



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	9/6/2021	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Peneroka rayu tangkap gajah perosak tanaman

MERSING – Peneroka di Felda Tenggaroh 1 di sini merayu pihak berkuasa menangkap seekor gajah dewasa yang sering membuat 'onar' di kawasan kebun kelapa sawit penduduk sejak kira-kira tiga tahun lalu.

Ketua Peneroka Felda Tenggaroh 1, Saimin Tarikat berkata, seramai 77 orang peneroka di dua peringkat iaitu peringkat dua dan empat ladang felda itu terpaksa menanggung kerugian selepas kira-kira 5,000 pokok mereka musnah akibat serangan gajah liar berkenaan.

Katanya, terdapat beberapa kumpulan gajah dikesan berkeluaran di kawasan felda itu, bagaimanapun terdapat seekor gajah yang sering membuat 'onar'. Gajah itu dikatakan tinggal di kawasan ladang berhampiran kawasan kebun penduduk.

"Terbaru malam tadi (kelmarin) haiwan tersebut semakin berani kerana masuk ke kawasan kuarters guru dan merosakkan pagar, juga menumbangkan tiga pokok nangka. Ini membimbangkan.

"Kita mendapat maklumat bahawa gajah tersebut merupakan gajah yang dipinggirkan dan disisih daripada kumpu-

lannya kerana faktor usia. Kami peneroka tidak tahan dengan kerosakan yang dilakukannya selain risau akan keselamatan penduduk sendiri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Saimin berkata, lebih menyedihkan pendapatan peneroka yang terkesan akibat serangan haiwan liar itu telah terjejas antara 60 hingga 70 peratus dan ada antara mereka yang hanya meraih RM300 sebulan.

Katanya, ia berbeza dengan hasil diterima peneroka lain yang tidak terkena serangan itu dan mampu mendapat sekitar RM2,000.

"Peneroka dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Mersing turut membuat rondaan, namun selagi gajah liar itu tidak ditangkap, kami akan terus menanggung kerugian.

"Bila kami tanam semula pokok baharu tidak mustahil ia akan dirosakkan," katanya.

Dalam pada itu katanya, peneroka kini sedang menunggu kelulusan daripada pihak Felda bagi membina parit sebagai langkah mengatasi serangan-serangan kumpulan gajah yang dikenali pasti.



SAIMIN (kanah) menunjukkan kerosakan yang dilakukan gajah tersebut di kuarters guru Felda Tenggaroh 1 malam kelmarin.